

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

SISTEM KEKELUARGAAN MASYARAKAT CINA

DI MELAKA

KES KAJIAN: ORANG-ORANG BABA DAN NYONYA

Dalam kajian ini, penulis mengaji tentang sistem kekeluargaan orang-orang Baba dan Nyonya di

Melaka. Aspek yang disentuh adalah mengenai mensosialisasikan anak.

Di samping itu juga struktur kekeluargaan orang-orang Baba dikaji untuk memberi satu gambaran yang jelas lagi lengkap kepada pembaca mengenai

OLEH

NO. MATRIKS: 048459

ciri-ciri yang terdapat dalam masyarakat ini.

NAMA: CHEE MEI LIN

Dalam bab I, pengajian menjelaskan tentang latar belakang

kawasan penyelidikan di mana kedudukan tempat kajian, latar belakang

sejarah dan latar belakangnya. Bab II membincangkan mengenai mendefinisikan

LATIHAN ILMIAH

siapa dia orang-orang Baba dan Nyonya

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA

Bab II pula SYARAT-SYARAT UNTUK mengajak teori dan konsep. Dalam

bab ini definisi KIZAZAH SARJANA MUDA SASTERA dijelaskan mengikut bidang

teori. Di samping itu, fungsi-sfungsi kekeluargaan dan konsep mengenai

sosialisasi diterangkan dalam bab ini.

Bab III menyentuh mengenai kekeluargaan dalam struktur orang-orang Baba. Namun, prinsip keluarga, istilah keluarga dan struktur

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI keluarga dibincangkan dalam bab IV. Dalam bab IV dibincangkan adalah mengenai

UNIVERSITI MALAYA

Jenis rumah tangga, hubungan dalam keluarga, rumah dan corak

kepercayaan orang-orang Baba dan pengambilan anak angkat.

SESSI 87/88

Sosialisasi dibincangkan dalam bab IV di mana sistem

pesehalan anak dalam keluarga Baba dibincangkan dengan terperinci.

Di samping itu juga, bahasa, nilai dan adat resam dan nama timangan

dibincangkan. Pandangan dari pada responden mengenai bagaimana

SINOPSIS

Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji tentang sistem kekeluargaan masyarakat Cina khususnya orang-orang Baba dan Nyonya di Melaka. Aspek yang disentuh adalah mengenai mensosialisasikan anak. Di samping itu juga struktur kekeluargaan orang-orang Baba dikaji untuk memberi satu gambaran yang jelas lagi lengkap kepada pembaca mengenai ciri-ciri yang terdapat dalam masyarakat ini.

Dalam bab I, pengkaji menjelaskan tentang latar belakang kawasan penyelidikan di mana kedudukan tempat kajian, latar belakang sejarah dan latar belakang penduduk disentuh dan juga mendefinisikan siapa dia orang-orang Baba ini.

Bab II pula adalah mengenai bidang teori dan konsep. Dalam bab ini definisi kekeluargaan dan keturunan dijelaskan mengikut bidang teori. Di samping itu, fungsi-fungsi kekeluargaan dan konsep mengenai sosialisasi diterangkan dalam bab ini.

Bab III menyentuh mengenai kekeluargaan dalam struktur orang-orang Baba. Di sini, prinsip keluarga, istilah keluarga dan struktur keluarga dibincangkan. Perkara lain yang dibincangkan adalah mengenai jenis rumahtangga, hubungan antara ahli keluarga, rumah dan corak kepercayaan orang-orang Baba dan pengambilan anak angkat.

Sosialisasi dibincangkan dalam bab IV di mana sistem pembelaan anak dalam keluarga Baba dibincangkan dengan terperinci. Di samping itu juga, bahasa, nilai dan adat resam dan nama timangan dibincangkan. Pandangan daripada respondan mengenai bagaimana

mendefinisi anak baik dan anak nakal dijelaskan di sini.

Akhir sekali, kesimpulan dibuat oleh pengkaji secara umum di samping menyentuh mengenai perkara-perkara seperti sistem kekeluargaan; agama, nilai dan adat resam; bahasa dan sistem sosialisasi seorang budak dalam masyarakat Baba ini. Dengan ini saya mengambil kesempatan ini untuk mengajak orang-orang "Baba" ini walaupun jangkaan penyelidikan ini masih pendek untuk meliputi semua aspek.

Saya amat berminah mempunyai seorang bantuan iaitu Prof. Dr. Syed Zainal Kling yang telah membantu dan menunjuk ajar kepada saya di sepanjang penyelidikan ini dan juga memperkenankan kertas kerja projek ini. Jaza hikmatullah yang dapat saya lupakan dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih.

Walaupun pada awal penyelidikan ini saya mengalami rintangan dan masalah, saya masih sukar kerana dapat melaksanakan projek ini sehingga tamat. Oleh itu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden-responen saya yang telah memberi susahan dan maklumat untuk melaksanakan hajat saya.

Kepada ibu bapa dan nenek saya, saya ingin mengucapkan "Terima Kasih" dalam sebaik inspirasi untuk menulis dan menyiapkan projek ini.

Akhir sekali, PENGHARGAAN, saya berharap pembaca dapat menikmati apa yang telah saya tulis semoga dapat gasbaran yang jelas mengenai seorang Baba Nyonya di Melaka, saya merasa amat bangga untuk mengkaji mengenai komuniti saya sendiri. Komuniti Baba ini merupakan sebilangan kecil daripada masyarakat Cina yang terdapat di Malaysia dan kebanyakannya orang iaitu masyarakat Malaysia sendiri tidak tahu siapakah dia sebenarnya orang-orang Baba ini. Dengan ini saya mengambil kesempatan ini untuk mengkaji orang-orang Baba ini walaupun jangkamasa penyelidikan ini amatlah pendek untuk meliputi semua aspek.

Saya amat bertuah mempunyai seorang penyelia iaitu Prof. Madya Zainal Kling yang telah membimbing dan menunjuk ajar kepada saya di sepanjang penyelidikan ini dan juga semasa menyemakkan kertas kerja projek ini. Jasa beliau tidak dapat saya lupakan dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan **terima kasih**.

Walaupun pada awal penyelidikan ini saya mengalami rintangan dan masalah, saya merasa sukor kerana dapat melaksanakan projek ini sehingga tamat. Saya juga ingin mengucapkan ribuan **terima kasih** kepada respondan-respondan saya yang telah memberi sumbangan dan maklumat untuk melaksanakan hajat saya.

Kepada ibu bapa dan nenek saya, saya ingin mengucapkan '**Terima Kasih**' dalam memberi inspirasi untuk menulis dan menyiapkan projek ini.

Akhir sekali, kepada pembaca, saya berharap pembaca dapat menikmati apa yang telah saya tulis semoga dapat gambaran yang jelas mengenai orang-orang Baba dan Nyonya ini.

Sekian, terima kasih.

Chee Mei Lin

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Sessi 87/88

DAFTAR KANDUNGAN

BAB III: KELUARGAAN

MUKASURAT

SINOPSIS	i
PENGHARGAAN	iii
DAFTAR KANDUNGAN	v
LAMPIRAN RAJAH	viii
LAMPIRAN GAMBAR	ix

PENDAHULUAN

1. Tujuan Kajian	1
2. Bidang Kajian Dan Pembatasan	1
3. Kaedah Kajian Dan Kesulitan	2
PETA NEGERI MELAKA	4

BAB I: LATAR BELAKANG KAWASAN PENYELIDIKAN

1.1 Kedudukan Di Dalam Negeri Melaka	5
1.2 Latar Belakang Sejarah	5
1.3 Latar Belakang Penduduk	5
1.4 Siapakah Dia Orang Baba?	8

BAB II: BIDANG TEORI DAN KONSEP

2.1 Kekeluargaan Dan Keturunan	11
2.2 Fungsi-fungsi Kekeluargaan	12
2.3 Konsep Sosialisasi	13

MUKASURAT

BAB III: KEKELUARGAAN

3.1 Prinsip Keluarga	16
3.2 Istilah Keluarga	18
3.3 Struktur Keluarga	22
3.4 Jenis Rumahtangga	22
3.5 Hubungan Antara Ahli Keluarga	
3.5.1 Hubungan Antara Suami Dengan Isteri	24
3.5.2 Hubungan Ibu Dengan Anak	25
3.5.3 Hubungan Bapa Dengan Anak	26
3.5.4 Hubungan Adik-beradik	27
3.5.5 Hubungan Datuk/Nenek Dengan Cucu	27
3.5.6 Hubungan Menantu Dengan Mertua	28
3.5.7 Hubungan Isteri Dengan Ipar	28
3.6 Rumah Baba Dan Corak Kepercayaan	29
3.7 Pengambilan Anak Angkat	32

BAB IV: SOSIALISASI

4.1 Sistem Pembelaan Anak	34
4.2 Bahasa	38
4.3 Nama Timangan	40
4.4 Nilai Dan Adat Resam	43
4.5 Anak Baik Dan Anak Nakal	46

BAB V: KESIMPULAN

5.1 Kesimpulan Secara Umum	48
5.2 Sistem Kekeluargaan	49
5.3 Agama, Nilai Dan Adat Resam	50
5.4 Bahasa	50
5.5 Sosialisasi	51
BIBLIOGRAFI	53
KATA-KATA DAFTAR	54
LAMPIRAN: BIODATA KELUARGA	55

LAMPIRAN RAJAH

<u>RAJAH</u>	<u>TAJUK</u>	<u>MUKASURAT</u>
1	Taburan Penduduk Mengikut Kaum	6
2	Susurgalur Keturunan Keluarga Baba	17
3	Istilah Rujukan dan Panggilan Keluarga Mengikut Sebelah Bapa	19
4	Istilah Rujukan dan Panggilan Keluarga Mengikut Sebelah Ibu	20
5	Istilah Rujukan dan Panggilan Keluarga Yang Sama Dengan Generasi Datuk	21
6	Jadual Komposisi Rumahtangga	23
6	"Ob'nya abu" yang dijalankan di rumah Iack-pau, keib-smih dan buah-buahan disumbah kepada nenek noyan	41
6	"Ob'nya bapa" sedang menunjukkan perpaduan anaknya bagiisana untuk "ob'nya abu" dengan menggunakan "neo sua"	42

LAMPIRAN GAMBAR

<u>GAMBAR</u>	<u>TAJUK</u>	<u>MUKASURAT</u>
1	Seorang Nyonya berpakaian sarong kebaya dan kerosang	7
2	Bentuk sebuah rumah yang terdapat di Jalan Tun Tan Cheng Lock yang juga merupakan "rumah abu"	30
3	Tempat "piara abu" untuk pemujaan nenek moyang di mana "sin chee" diletakkan di bahagian bekas abu yang disembah dengan "neo sua"	31
4	Bekas yang berisi abu di mana "neo sua" diletakkan setiap hari	41
5	"Ch'nya abu" sedang dijalankan di mana lauk-pauk, kuih-muih dan buah-buahan disembah kepada nenek moyang	41
6	Seorang bapa sedang menunjukkan kepada anaknya bagaimana untuk "soh jar" dengan menggunakan "neo sua"	42

penyelidikan adalah selepas PENDAHULUAN iaitu dari 2hb Mei 1987 hingga

14hb Jun 1987.

1. Tujuan Kajian

Projek penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan menganalisa dengan cara yang lebih terperinci tentang peranan keluarga dalam masyarakat Cina khususnya orang-orang Baba dan Nyonya di Melaka dalam mensosialisasikan anak.

Terlebih dahulu, struktur dalam sistem kekeluargaan orang-orang Baba ini mesti dikaji supaya ia dapat memberi gambaran yang lengkap tentang ciri-ciri yang terdapat dalam masyarakat ini.

Analisa juga dibuat dalam mengkaji peranan keluarga dalam mensosialisasikan anak dari segi bahasa, adat resam, nilai dan disiplin. Di samping itu, sistem pembelaan anak dari bayi hingga ke dewasa dikaji dari berbagai aspek seperti siapa membela, adakah adat resam dan budaya ditanam semasa mensosialisasikan akan mempengaruhi hidupnya dan perhubungan anak dengan ibu bapa bersama ahli keluarga lain.

Akhir sekali ditinjau pula sama ada sistem patrilineal masih dipentingkan pada masa kini dari segi jurai keturunan dan harta benda.

2. Bidang Kajian Dan Pembatasan

Bidang kajian penyelidikan ini ditumpu kepada orang-orang Cina khususnya Baba dan Nyonya yang merupakan satu komuniti yang agak kecil bilangannya.

Penyelidikan ini dijalankan di Melaka. Pembatasannya adalah di Jalan Tun Tan Cheng Lock yang terletak di Bandar Melaka. Jangkamasa

penyelidikan adalah selama $1\frac{1}{2}$ bulan iaitu dari 2 hb Mei 1987 hingga 14 hb Jun 1987.

Walaupun penekanan diberi terhadap sistem kekeluargaan tetapi perhatian juga diberi kepada ciri-ciri umum yang terkandung dalam masyarakat ini. Ini dibuat supaya dapat memberi gambaran menyeluruh secara umumnya.

3. Kaedah Kajian Dan Kesulitannya

Penyelidikan ini dijalankan mengikut kaedah Antropologi iaitu mengkaji respondan secara pemerhatian. Sampel yang digunakan adalah 10 keluarga Baba dan Nyonya.

Jenis maklumat yang dikumpul adalah bilangan orang dalam satu keluarga; saiz keluarga sama ada keluarga nuklear ataupun keluarga extended; siapakah ketua rumah dan hubungan ketua rumah dengan ahli-ahli keluarganya. Di samping itu, banci penduduk negeri Melaka diperolehi dari Jabatan Statistik Negeri Melaka, tahun 1980 dan banci penduduk di kawasan kajian dibuat oleh pengkaji semasa kajian dijalankan.

Data-data di atas dikumpul secara soalselidik dan temuduga dijalankan untuk mendapat maklumat lanjutan. Kaedah 'participant observation' juga digunakan semasa penyelidikan di mana pengkaji bermesra dan mengenali hampir semua orang dalam setiap keluarga Baba. Cara hidup dan keadaan sekeliling di rumah diperhatikan dengan teliti untuk mengetahui lebih lanjut tentang cara hidup dan tradisi orang-orang Baba dan Nyonya.

Buku-buku mengenai orang-orang Baba dan Nyonya juga digunakan untuk memberi panduan dan fahaman yang lebih mendalam kepada pengkaji.

Masalah yang dihadapi semasa kajian ini dijalankan adalah agak rumit terutama dalam mendapat kerjasama respondan. Pada mulanya, respondan tidak begitu mesra hingga pengkaji memberitahu tujuannya dalam penyelidikan ini. Di samping itu, pemerhatian keseluruh kepada semua rumah yang dikaji tidak dapat dijalankan dengan lancar sebab kebanyakannya rumah yang dikaji tidak mempunyai ramai ahli terutamanya anak-anak kecil. Yang terdapat adalah orang tua-tua ataupun anak perempuan yang masih bujang yang tinggal bersama mereka. Maka temuduga terpaksa dijalankan untuk mendapat maklumat.

ELAKA

MAP AND GUIDE

Straits of Malacca SELAT MELAKA

PLACES

Development
220643

Information
95

ment.

ce Station.

Tel: 233846
System Office.

223630

Offices

223299

City Corporation

Tel: 23949;

Tel: 228355

ce Station.

ad

sia Bernau

d

g

g

Banking

aysia

nd

erhad.

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

)

BAB I

LATAR BELAKANG KAWASAN PENYELIDIKAN

1.1 Kedudukan Di Dalam Negeri Melaka

Kajian ini dijalankan di Jalan Tun Tan Cheng Lock yang terletak di Bandar Melaka. Kedudukannya di Bandar Melaka menjadikannya satu jalan yang agak sibuk kerana ia menghubungkan kenderaan dan orang ramai untuk pergi ke satu kawasan ke kawasan yang lain.

1.2 Latar Belakang Sejarah

Jalan ini dinamakan mengikut seorang tokoh politik Cina yang bernama Tun Tan Cheng Lock. Beliau adalah seorang tokoh yang aktif dalam bidang politik semasa memperjuangkan kemerdekaan negara. Beliau mempunyai sebuah rumah di jalan ini.

Sebelum ini Jalan Tun Tan Cheng Lock lebih dikenali oleh orang ramai sebagai Heeren Street ataupun Kampung Belanda. Nama-nama ini masih digunakan oleh penduduk-penduduk di sini. Jalan ini pada satu ketika diduduki oleh orang-orang Baba yang kaya dan kebanyakan rumah di sini masih dimiliki oleh mereka pada masa kini.

1.3 Latar Belakang Penduduk

Bandar Melaka mempunyai anggaran penduduk berjumlah 441,895 orang.¹ Di tempat kajian ini anggaran penduduk adalah 1,180 orang.²

1. Banci penduduk tahun 1980, Laporan Penduduk Negeri Melaka, m.s.41-42

2. Banci dilakukan semasa kajian dijalankan oleh pengkaji

Terdapat berbagai kaum tinggal di kawasan ini dan jumlah penduduk di sini boleh dibahagi kepada 3 kaum iaitu Cina, Melayu dan India.

Kaum	Bilangan	Peratusan
Cina	1,163	98.6
Melayu	10	0.8
India	7	0.6
Jumlah	1,180	100.0

Taburan Penduduk Mengikut Kaum

Rajah 1

Jelas kelihatan rajah di atas menunjukkan bahawa kumpulan majoriti penduduk adalah orang Cina. Dari jumlah 1,163 penduduk Cina hanya terdapat 100 orang-orang Baba dan Nyonya. Orang-orang Baba dan Nyonya ini diidentifikasi dari segi pakaian, cara bercakap dan cara makan. Kebanyakan keluarga Baba terdapat sekurang-kurangnya seorang Nyonya berpakaian sarong kebaya dan kerosang. Mereka berbahasa Melayu-Baba semasa perbualan mereka dengan ahli-ahli keluarga. Cara makan pula berlainan dengan kumpulan etnik Cina yang lain di mana mereka makan dengan menggunakan tangan dan kebanyakan lauk mereka berempah dan bercili. Ada juga makan dengan menggunakan sudu dan garfu. Manakala cara makan orang Cina adalah dengan menggunakan penyepit.

Pada suatu ketika kumpulan majoriti adalah orang-orang Baba, akan tetapi jumlah ini telah berkurangan disebabkan kebanyakan mereka tidak lagi tinggal di sini dan telah berpindah ke kawasan lain.



Gambar 1 - Seorang Nyonya berpakaian sarong kebaya dan kerosang.

Kebanyakan mereka yang tinggal adalah generasi tua, mereka yang lama telah menetap dan tidak berhasrat untuk berpindah dan kanak-kanak yang masih bersekolah. Komuniti Cina yang lain telah tinggal dan menetap di sini dan kebanyakannya mereka membeli rumah ataupun menyewa bilik. Ada rumah yang telah dijadikan pejabat dan gudang.

1.4 Siapakah Dia Orang Baba?

Seorang Baba dikatakan berjiwa dan bertradisi Cina tetapi mempunyai bentuk Melayu. Ini boleh diperhatikan terutamanya bagi perempuan Nyonya yang berpakaian sarong kebaya dan kerosang seperti perempuan Melayu. Seorang Baba sedikit ataupun tidak berbahasa Cina tetapi berbahasa Melayu-Baba dan Inggeris.

Siapakah dia Baba? Selalunya terdapat beberapa penyalahgunaan istilah terutamanya dalam mengkaji komuniti ini. Ada beberapa istilah yang digunakan iaitu "Straits Chinese", "Peranakan" atau "Baba". Walau bagaimanapun ketiga-tiga istilah ini akan disamaartikan dalam konteks kajian ini.

Istilah "Straits Chinese" mestilah dibezaikan dengan istilah "Straits-born Chinese". Semua orang Cina yang dilahirkan sebelum kemerdekaan di Malaysia dan Singapura di mana negeri-negeri Selat di Semenanjung Malaya iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura adalah "straits-born" dan ini bukan bererti ia memberi satu identiti Baba. Dalam lain perkataan, seseorang itu mungkin "straits-born" tetapi masih mempertahankan semua kebudayaan dan ciri-ciri sebagai seorang Cina termasuk bahasa, agama, pekerjaan, pakaian, sistem kekeluargaan dan sebagainya.

Menurut Clamer, seorang yang mengkategorikan dirinya sebagai "Straits Chinese" mestilah meniru ciri seorang Baba iaitu mengabaikan asal dialek Cinanya untuk berbahasa seperti seorang Baba, meniru adat resam, pakaian, cara makan dan juga pekerjaan. Jika ia seorang perempuan, ia mesti meniru cara pakaian seorang Nyonya iaitu berpakaian sarong kebaya. Seorang "Straits Chinese" mesti juga menganggap negeri-negeri Selat ini sebagai tempat asalnya.³

Felix Chia pula mengatakan bahawa J.D.Vaughan dalam bukunya, 'The Manners and Customs of the Chinese in The Straits Settlements', telah salahgunakan perkataan "Straits-born Chinese". Vaughan mengatakan "The Chinese in the Straits are called Babas to distinguish them from those born in China."

Menurut Felix Chia, ini tidak benar kerana kebanyakan penghijrah dari China terutamanya mereka dari Pulau Pinang dan Singapura telah balik ke China dan membawa balik isteri dan anak. Mereka tidak boleh dianggap sebagai Baba walaupun ada di antara anak perempuan mereka berkahwin dengan seorang Baba di mana mereka telah diasimilasikan dalam keluarga Baba.⁴

3. John R. Clamer, Straits Chinese Society, m.s.3

4. Felix Chia, The Babas, m.s. 4

"Peranakan" adalah satu istilah Baba yang disalahgunakan bagi mereka yang dilahirkan tempatan seperti Peranakan Cheena, Peranakan India dan sebagainya. Peranakan Cheena dan India ini adalah bagi orang Cina dan India yang dilahirkan tempatan. Walau bagaimanapun perkataan "Peranakan" disamaertikan dengan "Baba" dan biasanya digunakan untuk merujukkan diri seseorang sebagai seorang Baba.⁵

Dengan itu boleh disimpulkan bahawa seorang Baba mempunyai keturunan di mana nenek moyang generasi pertama berkahwin dengan wanita tempatan. Dia sedikit ataupun tidak bertutur bahasa Cina tetapi berbahasa Melayu-Baba. Keturunan keluarga berikutnya berbahasa Inggeris dan ada juga berbahasa Cina. Seorang Baba memang teguh dalam mengamalkan adat resam dan nilai orang-orang Cina. Seorang Baba adalah "Straits-born Chinese" tetapi seorang "Straits-born Chinese" tidak semestinya seorang Baba.⁶

Populasi orang-orang Baba di Melaka masih banyak dan masih mempunyai satu integrasi komuniti yang teguh dan rapat terutamanya di antara saudara-mara. Orang-orang Baba di Melaka bertutur bahasa Melayu dengan dialek Hokkien dan kebanyakannya mereka juga mendapat pelajaran Inggeris. Maka kebanyakannya keluarga bertutur bahasa Inggeris di rumah. Mereka masih berpegang teguh kepada adat istiadat dan majoriti daripada mereka beragama Buddha dan sembahyang kepada nenek moyang. Ramai di antara mereka juga telah memeluk agama Kristian.⁷

BAB II

BIDANG TEORI DAN KONSEP

2.1 Kekeluargaan dan Keturunan

Istilah kekeluargaan boleh didefinisikan dengan berbagai bentuk mengikut bagaimana seorang pengkaji mengkaji sesebuah institusi keluarga. Secara umumnya, keluarga merupakan satu institusi asas dalam masyarakat yang membentuk nilai dan budaya. Sebuah keluarga selalunya terdiri dari lelaki dan perempuan yang mempunyai perkaitan antara satu sama lain melalui pertalian darah dan perkahwinan.

Dalam takrif yang paling biasa, Robin Fox mengatakan bahawa "Kekeluargaan adalah hubungan antara keluarga, yakni orang yang berhubungan darah sebenar, secara anggapan umum(putatif) ataupun sedarah(fiktif)." ⁵

Menurut Rivers pula, kekeluargaan adalah "the social recognition of biological ties".⁶ Pendapat ini mungkin tidak benar sebab dalam sesuatu keluarga ada di antara mereka yang tidak mempunyai perhubungan darah tetapi dianggap sebagai ahli dalam keluarga khususnya dalam kes anak angkat.

Seringkali istilah kekeluargaan yang digunakan adalah tidak tepat. Ia bergantung kepada masyarakat yang dikaji. Pada amnya, kekeluargaan boleh didefinisikan sebagai satu kumpulan manusia yang

5. Robin Fox, Persanakan dan Perkahwinan, m.s. 7

6. Lucy Mair, An Introduction To Social Anthropology, m.s. 62

disatukan melalui perkahwinan, pertalian darah ataupun pengambilan anak angkat yang terdiri dari satu rumah tangga. Setiap ahli keluarga berinteraksi antara satu sama lain dalam memainkan peranan sebagai suami isteri; ibu dan bapa; anak; adik beradik dan mereka membentuk dan mengekalkan satu budaya yang sama.

Keturunan pula berkait rapat dengan kekeluargaan. Sesebuah kelompok manusia yang bersaudara antara satu sama lain, yang mempunyai pertalian darah akan membentuk satu keturunan yang sama. Mereka berasal dari nenek-moyang yang sama melalui nisab bapa atau nisab ibu ataupun kedua-dua nisab. Kumpulan atau kelompok seumpama ini mungkin mempunyai nama, harta dan upacara yang sama yang dibentuk atas dasar nenek-moyang. Pengelopokan ini boleh dinamakan lineage.

2.2 Fungsi-fungsi Kekeluargaan

Dalam mengkaji masyarakat, para ahli antropologi dan sosiologi telah merumuskan beberapa fungsi kekeluargaan. Dalam sesebuah masyarakat peranan ataupun fungsi kekeluargaan amat penting sekali. Dari segi keperluan biologi, ia amat penting terutamanya untuk anak-anak. Ibu bapa adalah orang yang penting dalam keluarga kerana mereka yang akan memberi tunjuk ajar kepada anak-anak dan memberi perlindungan bagi mereka. Keluarga merupakan hubungan primar dalam masyarakat bagi seseorang yang baru lahir.

Dari segi sosial pula, kekeluargaan memberi seseorang itu "sense of belonging" dalam masyarakat. Kekeluargaan menjalankan fungsi sosialisasi di mana anak-anak diasuh dan diajar tentang nilai-nilai kepercayaan serta perlakuan kebudayaan yang diturunkan dari generasi

ke generasi. Di samping itu, penglibatan seseorang dalam masyarakat adalah penting seperti bantu-membantu dan bersimpati semasa kesusahan, kemalangan, semasa mendapat sakit dan juga bersukaria bersama dalam pesta ataupun majlis perkahwinan.

Bagi masyarakat yang anggotanya kecil, ahli-ahlinya bergantung kepada keluarga untuk memberi perlindungan dan keselamatan. Dengan itu, ahli-ahli dalam keluarga sering tinggal bersama untuk mendapat pertahanan diri dari serangan musuh. Sesiapa yang harus jadi ketua dan memerintah adalah penting. Fungsi ini sangat penting bagi masyarakat primitif.

Sebelum wujudnya zaman teknologi moden, peranan ekonomi dalam kekeluargaan adalah penting. Setiap ahli keluarga lelaki atau perempuan, tua atau muda adalah ahli pengeluar dan unit pengguna. Akan tetapi, ahli keluarga tidak penting lagi dalam menjadi unit pengeluar selepas wujudnya teknologi moden. Kini, ahli-ahli keluarga merupakan unit pengguna sahaja.

Dalam masyarakat Cina misalnya, keluarga adalah penting dari segi agama, upacara dan kepercayaan. Generasi muda selalunya diajar untuk menyembah nenek-moyang mereka yang sudah mati. Maka konsep 'filial-piety' adalah penting bagi ahli-ahli keluarga yang masih hidup kerana ia adalah satu kewajiban untuk menyembah roh nenek-moyang mereka.

2.3 Konsep Sosialisasi

Konsep sosialisasi telah dibentuk oleh ahli-ahli sains sosial untuk menerangkan bagaimana manusia dapat menyesuaikan diri antara satu sama lain untuk membentuk satu masyarakat tersusun. Di antara definisi yang diberi adalah

"Socialization as the process by which someone learns ~~the norms~~
the way of a given society or social group so that
he can function within it." ⁷ ~~Sosialisasi tidak akan berhenti~~

Kajian mengenai sosialisasi adalah untuk melihat bagaimana individu dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat dan budaya. Di samping itu, sosialisasi seseorang individu termasuklah proses pembesaran dalam perkembangan sikap, nilai norma dan budaya. Proses pembesaran ini termasuklah proses perkembangan manusia melalui interaksi dan pembelajaran. Pendekata, sosialisasi boleh dikatakan satu proses pembelajaran di mana seseorang itu dapat menyesuaikan diri dalam permintaan sosial melalui norma dan nilai masyarakat.

Dalam semua masyarakat, setiap individu mempunyai peranan masing-masing. Istilah 'peranan' selalu dirujuk sebagai aktiviti yang menjadi kewajiban kepada perkara-perkara yang diharapkan untuk dijalankan dalam masyarakat. Sebagai contoh, seorang lelaki mempunyai peranan dalam aktiviti ekonomi dan politik sementara peranan wanita adalah menjadi isteri dan ibu di samping melibatkan diri dalam pekerjaannya. Status pula memberi seseorang kedudukan dan obligasi masing-masing.

Agensi sosialisasi iaitu keluarga, sekolah dan kumpulan sebaya adalah penting untuk seseorang menyesuaikan diri dalam masyarakat. Keluarga merupakan agen yang terpenting dalam masyarakat terutama bagi kanak-kanak yang belum bersekolah. Bagi mereka yang berumur 5 hingga 6 tahun, sekolah iaitu guru merupakan agen sosialisasi yang penting dan

7. Elkin & Handel, The Child and Society: The Process of Socialization,

kumpulan sebaya mempunyai pengaruh kepada seseorang terutama semasa peringkat remaja.⁸

Walau bagaimanapun, proses sosialisasi tidak akan berhenti dalam hidup seseorang. Ia adalah satu proses yang berpanjangan walaupun seseorang itu menjadi ibu atau bapa; suami atau isteri dan bekerja ataupun tidak.

8. Alan C. Kerckhoff, Socialization And Social Class, m.s. 13

BAB III


KEKELUARGAAN

3.1 Prinsip Keluarga

Dalam masyarakat Baba dan Nyonya, sistem susurgalur kekeluargaan adalah berdasarkan melalui nisab bapa. Walau bagaimanapun, lineage orang-orang Baba adalah agak cetek jika dibandingkan dengan komuniti Cina yang lain. Didapati dari kajian ini, walaupun kebanyakan keluarga Baba selalu mementingkan anak lelaki daripada anak perempuan, anak perempuan juga dapat perhatian dalam keluarga. Anak lelaki akan mendapat harta pusaka keluarga apabila bapa atau ibu mereka meninggal dunia. Anak perempuan pula akan mendapat harta ibu bapa dari bentuk wang ataupun barang kemas. Bagi anak perempuan yang belum kahwin atau bujang, mereka masih tinggal dalam keluarganya sampai akhir hayatnya. Ini menunjukkan mereka tidak disingkirkan langsung dari keluarga dan bantuan akan diberi kepada mereka apabila perlu.

Anak lelaki penting dalam keluarga Baba kerana nama keluarga diturunkan melalui mereka dari satu generasi ke generasi yang lain. Anak perempuan dalam kes ini tidak penting kerana apabila mereka berkahwin, mereka akan mengikut nama keluarga suami mereka. Satu keluarga yang dikaji misalnya mempunyai nama keluarga 'Chee' sudah mempunyai 10 generasi dan ini disusurgalurkan dari pihak lelaki sahaja dan didapati nenek-moyang keluarga ini berasal dari negeri China dan telah berkahwin dengan perempuan tempatan.

Rajah berikut menunjukkan bagaimana sebuah keluarga Baba disusurgalurkan melalui nisab bapa. Saudara yang paling dekat bagi ego dalam keluarga Baba adalah bapa, ibu, datuk, nenek, adik-beradik, adik-beradik sebelah bapa dan saudara sepupu yang berasal dari nenek-moyang yang sama. Saudara sepupu yang paling dekat adalah sehingga dua pupu.



Susurgalur keturunan keluarga Baba

Rajah 2

Saudara jauh pula terdiri dari saudara tiga pupu dan saudara mara yang agak jauh hubungannya. Kebanyakan dari orang Baba dan Nyonya mempunyai hubungan saudara di antara satu sama lain sama ada dekat ataupun jauh kerana kebanyakan dari mereka akan berkahwin dengan Baba atau Nyonya dengan nama keluarga yang berlainan.

Di samping itu, kebanyakan Baba dan Nyonya mempunyai dan berkongsi nama iaitu nama tengah ataupun nama akhir. Ini adalah kerana untuk menunjukkan seseorang itu adalah dari satu generasi yang sama. Perkongsian nama tengah ataupun nama akhir digunakan bersama di antara adik-beradik dan saudara sepupu mengikut jantina masing-masing.

Nama tengah seperti Swee bagi seorang Nyonya dikongsi dengan beberapa orang seperti Swee Neo, Swee Lian dan Swee Lee. Begitu juga seperti nama akhir Neo juga dikongsi seperti Bee Neo, Swee Neo dan Eng Neo. Bagi seseorang Baba pula, nama tengah Kim dikongsi seperti Kim Chiang, Kim Hoon dan Kim San. Nama akhir pula seperti Chiang dikongsi dalam keluarga iaitu Swee Chiang, Guan Chiang dan Swan Chiang. Nama-nama ini adalah nama-nama Cina dan masih digunakan bersama dalam keluarga.

3.2 Istilah Keluarga

Dalam keluarga Baba berbagai istilah digunakan untuk memanggil orang-orang yang lebih tua daripada mereka. Penekanan dalam panggilan keluarga mengikut pangkat masing-masing dalam keluarga adalah penting sebab ini akan menunjukkan satu penghormatan bagi orang muda apabila mereka bertemu atau bersemuka dengan orang tua.

Untuk membezakan seorang lelaki dan perempuan, mereka gunakan perkataan jantan dan perempuan. Seorang Baba memanggil anak-anak lelaki mereka sebagai anak jantan, adik lelaki sebagai adek jantan, cucu lelaki sebagai chu chu jantan dan cicit lelaki sebagai chi chik jantan. Begitu juga dengan anak perempuan. Jika seorang Baba yang tua dapat hidup untuk melihat dan mendukung anak chi chik jantannya, anak itu dipanggil

oleng-oleng jantan.

Jadual di bawah membezakan istilah rujukan dan istilah panggilan saudara yang paling dekat dalam sebuah keluarga Baba mengikut sebelah bapa.

Istilah rujukan	Istilah panggilan
1. Bapa	Bapak/Ba/'Ntia ⁹
2. Ibu	Mak/Nya
3. Datuk	'Nkong
4. Nenek	Mama
5. Abang	'Nkoh
6. Kakak	Tachi
7. Isteri abang	'Nsoh
8. Suami kakak	Chau
9. Pakcik saudara tertua dan isteri	Pek Pek/'Npek Um
10. Pakcik saudara termuda dan isteri	Chek Chek/'Nchek 'Nchim
11. Makcik saudara dan suami	Koh Koh Teoh
12. Bapa mertua	'Nkua
13. Ibu mertua	Neo

Istilah Rujukan dan Panggilan Keluarga Mengikut Sebelah Bapa

Rajah 3

9. 'Ntia adalah perkataan yang berasal dari dialek Hokkien yang dirujuk sebagai bapa.

Jika terdapat lebih daripada dua pakcik saudara, mereka akan gunakan 'Npek Besah, 'Npek Tengah dan 'Npek Chik mengikut pangkat masing-masing. Jika bapa mempunyai lebih daripada tiga adik-beradik lelaki yang lebih tua, maka mereka akan dipanggil mengikut dialek Hokkien iaitu pakcik ketiga - Sar Pek dan keempat - See Pek. Sar bererti tiga dan See bererti empat dan seterusnya. Dalam keluarga yang mana Baba dan Nyonya itu mempunyai chi chit, chi chit mereka akan memanggil mereka Kong Cho dan Cho.

Seterusnya jadual berikut menunjukkan panggilan istilah keluarga dari sebelah ibu.

Istilah rujukan	Istilah panggilan
1. Datuk	Gua Kong
2. Neneh	Gua Ma
3. Pakcik saudara dan isteri	'Nku 'Nkim
4. Makcik saudara dan suami	Ee Ee Teoh

Istilah Rujukan dan Panggilan Keluarga Mengikut Sebelah Ibu

Rajah 4

Lain-lain panggilan yang sama dengan generasi datuk seorang Baba adalah seperti yang ditunjukkan di jadual berikut.

Istilah rujukan	Istilah panggilan
1. Adik lelaki dan isteri yang tertua sebelah datuk	Pek Kong dan Um Poh
2. Adik lelaki dan isteri yang termuda sebelah datuk	Chek Kong dan Chim Poh
3. Kakak perempuan dan suami sebelah datuk	Koh Poh dan Koh Teoh Kong
4. Adik lelaki dan isteri sebelah nenek	Ku Kong dan Kim Poh
5. Adik perempuan dan suami sebelah nenek	Ee Poh dan Ee Teoh Kong

Istilah Rujukan dan Panggilan Keluarga Yang Sama Dengan Generasi Datuk

Rajah 5

Terdapat lagi satu generasi iaitu panggilan Cho. Sebagai contoh Pek Kong Cho dan Um Poh Cho; Chek Kong Cho dan Chim Poh Cho; Koh Poh Cho dan Koh Teoh Kong Cho; Ku Kong Cho dan Kim Poh Cho dan Ee Poh Cho dan Ee Teoh Kong Cho.

3.3 Struktur Keluarga

Dalam keluarga Baba yang dikaji ini, bentuk keluarga adalah masih dalam keluarga extended. Keluarga extended ini terdiri daripada nenek, bapa, emak, anak-anak dan adik-beradik perempuan yang masih bujang. Terdapat juga keluarga di mana seorang nenek tinggal bersama cucu-cucunya dan anak perempuan yang belum kahwin; suami dan isteri yang tua dan seorang Nyonya dengan anak-anak perempuannya yang belum kahwin.

Suami dan Isteri

Keluarga bergabung tidak didapati dalam keluarga Baba ini sebab anak-anak yang sudah berumahtangga lebih suka tinggal di rumah masing-masing. Dengan tiu, keluarga Baba di tempat kajian ini kecil bilangannya.

Dari kajian ini, ketua rumah dari kebanyakan keluarga Baba ini terdiri dari seorang Nyonya iaitu berbentuk matriarchal. Namun begitu, terdapat juga bentuk patriarchal. Bentuk matriarchal wujud dalam keluarga Baba kerana suami si Nyonya yang sepatutnya menjadi ketua rumah telah meninggal dunia. Walaupun anak lelaki tertua sepatutnya mengambil alih tugas bapanya, si Nyonya secara automatik akan menguruskan hal rumah tangga dan ia akan dibantu oleh menantu perempuannya. Manakala anak lelakinya akan keluar bekerja untuk mencari nafkah.

3.4 Jenis Rumah Tangga

Rumah tangga menurut Koetjaraningrat adalah satu kelompok sosial yang diwujudkan hasil dari perkahwinan. Ia merupakan satu

kesatuan kerana mengurus ekonomi rumahtangga sebagai satu kesatuan.¹⁰

Dalam keluarga Baba yang dikaji ini, terdapat tiga jenis rumahtangga. Pada setiap jenis pula boleh dibahagi kepada berbagai bentuk. Jadual di bawah menerangkan jenis rumahtangga yang terdapat dalam keluarga Baba ini.

Jenis	Huraian	Bilangan
1. Asas	Suami dan isteri	1
2. Luas	Suami isteri bersama anak-anak dan adik perempuan (3)	
	Suami isteri, anak lelaki bersama keluarganya, anak perempuan dan adik perempuan (1)	4
3. 'Denuded'	Ibu, anak perempuan dan cucu-cucu (3)	
	Ibu, anak lelaki dan keluarganya dan anak perempuan (2)	5
	Jumlah	10

Jadual Komposisi Rumahtangga

Rajah 6

10. Dr. Koetjaraningrat, Beberapa Pokok Antropologi Sosial, m.s. 99

Dari jadual didapati rumahtangga keluarga Baba boleh dikatakan sedikit sebanyak mempengaruhi "the family life cycle" kerana pusingan hidup dalam sebuah keluarga sering kali menukar jenis rumahtangga yang ada, termasuk saiz keluarga dan peranan masing-masing sebagai ahli keluarga.

Sebagai contoh, didapati terdapat satu jenis rumahtangga asas dalam kajian keluarga Baba ini. Suami isteri ini agak tua umur mereka dan mereka tidak tinggal bersama anak-anak mereka. Ini adalah kerana anak-anak mereka sudah berumahtangga dan bekerja di tempat lain. Lagipun mereka suka tinggal bersendirian. Dengan itu, mereka dikatakan telah mengalami satu "life cycle" iaitu telah berkahwin dan mempunyai anak-anak yang telah mereka jaga dan didik hingga dewasa. Di samping itu, umur mereka telah meningkat tua dan proses seterusnya akan dialami oleh anak-anak mereka.

Setiap keluarga mempunyai "life cycle" yang lebih kurang sama. Maka boleh disimpulkan bahawa "life cycle" keluarga Baba adalah bermula dalam membentuk satu keluarga di mana seorang lelaki dan seorang perempuan berkahwin dan mempunyai anak. Proses pembelaan anak dijalankan dalam keluarga sehingga budak itu dewasa dan boleh mencari nafkah sendiri. Ibu bapa pula sudah tua dan menunggu hingga akhir hayat mereka.

3.5 Hubungan Antara Ahli Keluarga

3.5.1 Hubungan antara suami dengan isteri

Peranan antara suami dengan isteri dikatakan satu perhubungan secara kontrak melalui perkahwinan di mana masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri. Dalam keluarga

Baba, hubungan suami dengan isteri adalah melalui perkahwinan dan secara tidak langsung masing-masing sudah diberikan tanggungjawab dan peranan sebagai suami dan isteri.

Suami mempunyai tanggungjawab mencari nafkah untuk isteri dan keluarganya. Peranan isteri pula adalah untuk menguruskan hal rumahtangga dan menjaga anak. Walaupun pada masa kini seorang perempuan pergi bekerja, tanggungjawabnya dalam hal ehwal rumahtangga iaitu memasak, menjaga anak dan melayan suami tidak dilepaskan.

Dari kajian, dapat diperhatikan bahawa sepasang suami isteri Baba bergantung antara satu sama lain. Sebagai seorang isteri, ia melayan suaminya dengan penuh tanggungjawab seperti memasak dan menunggu suami pulang dari kerja dan makan bersama. Suami pula bergantung kepada isteri terutamanya apabila berkehendakkan sesuatu. Biasanya isteri akan memenuhi kehendak suaminya.

3.5.2 Hubungan ibu dengan anak

Kebanyakan Nyonya tidak bekerja dan hanya menjalankan hal rumahtangga seperti memasak, menjahit dan menjaga anak. Lagipun ibu merupakan tempat di mana anak-anaknya boleh mengadu masalah mereka. Dengan itu hubungan ibu dengan anak adalah rapat. Ibu memberi kasih sayang yang sama di antara anak-anaknya. Adalah menjadi tanggungjawab bagi ibu untuk menunjukajar kepada anak-anaknya. Mereka diajar adat resam dan hormat menghormati orang tua-tua. Adat resam diajar dengan memberitahu adat-adat yang terdapat dalam keluarga dan mengapa mereka harus mengikut. Ibu menjadi petunjuk kepada anak-anaknya. Apabila anak-anak bersemuka dengan orang tua-tua, ibu akan menyuruh dan

mempastikan bahawa mereka akan memanggil orang tua-tua ini. Lama kelamaan ini menjadi satu kebiasaan bagi seorang anak.

Anak perempuan diajar memasak, menjahit dan membuat kerjrumah. Mereka jarang dibenarkan keluar rumah dan bagi mereka yang bersekolah hanya di peringkat sekolah rendah. Ini adalah kerana ibu mereka takut akan anak perempuannya akan bergaul dengan kaum lelaki. Pandangan ini telahpun berubah pada masa kini. Anak perempuan yang belum berkahwin ataupun sudah bujang akan diberi perlindungan oleh ibu mereka. Anak lelaki pula diberi lebih kebebasan daripada anak perempuan.

3.5.3 Hubungan bapa dengan anak

Hubungan bapa dengan anak dalam keluarga Baba adalah agak tegang dan tegas. Seorang bapa adalah tegas terutama dalam mendisiplinkan anak-anaknya walaupun kasih sayang yang sama diberi kepada mereka. Bapa akan selalu menjalankan hukuman rotan dan memarahi mereka apabila didapati kurang ajar ataupun nakal. Seorang budak didapati kurang ajar apabila menjawab balik apa yang ditegur oleh seorang yang lebih tua daripadanya ataupun menyampuk perbualan orang lain terutama orang tua. Ia dikatakan nakal apabila mencuri buah-buahan orang lain ataupun mengacau orang lain.

Seorang bapa pentingkan anak lelaki kerana dapat menurunkan nama keluarga dan harta pesaka dari satu generasi ke generasi lain. Walau bagaimanapun, anak perempuan tidak disingkirkan langsung dalam keluarga walaupun sudah berkahwin.

3.5.4 Hubungan Adik-beradik

Adik-beradik dalam keluarga Baba adalah satu hubungan yang paling dekat dari segi pertalian darah. Walaupun seseorang itu adalah adik angkat ataupun dari ibu tiri, mereka dianggap sebagai adik-beradik. Hormat menghormati di antara adik beradik sangat penting dalam keluarga. Bagi seorang anak lelaki tertua dalam keluarga, adik beradiknya mesti menghormatinya. Panggilan yang mengikut umur antara adik-beradik ditegaskan dalam keluarga. Abang yang tertua dipanggil 'Nkoh dan kakak pula dipanggil Tachi.

3.5.5 Hubungan datuk/nenek dengan cucu

Hubungan antara datuk/nenek dengan cucu adalah sangat rapat. Ini adalah kerana terutamanya nenek menjaga cucunya, mendidiknya dan memberi sepenuh kasih sayangnya kepada cucu. Boleh dikatakan bahawa perhubungan mereka lebih rapat dari ibu bapa mereka. Datuk dan nenek akan memanjakan dan memberi apa yang mereka kehendaki. Sebagai contoh, jika seorang budak berkehendakkan sesuatu dan ibu bapa tidak mahu memberinya, maka ia akan meminta dari datuk atau nenek. Selalunya, kehendaknya akan dipenuhi. Dengan ini, wujud satu perhubungan jovial di antara datuk/nenek dengan cucu.

3.5.6 Hubungan menantu dengan mertua

Sebagai menantu, sama ada lelaki atau perempuan, hormat-menghormati mertua adalah sangat penting. Ini adalah kerana ia mewujudkan satu hubungan 'formal' di antara kedua pihak. Dalam keluarga Baba, sering didapati menantu perempuan tinggal bersama mertuanya. Maka hubungan menantu dengan mertua terutamanya mertua perempuan ataupun Neo adalah lebih mesra dan rapat dari 'Nkua (mertua lelaki).

Manakala menantu lelaki jarang tinggal bersama mertuanya. Hanya terdapat hubungan pergi-balik ke rumah mertua apabila melawat mereka bersama isteri dan anak-anak. Menantu lelaki mempunyai hubungan yang lebih mesra dengan 'Nkuanya. Anak lelaki yang berkahwin selalu akan tinggal bersama ibu bapa dan ini adalah penting untuk seorang menantu menjalankan hubungan yang baik dengan mertua. Ia diharapkan melayan kedua-dua mertuanya seperti ibu bapanya sendiri.

3.5.7 Hubungan isteri dengan ipar

Hubungan isteri dengan ipar bergantung kepada kemesraannya iaitu sejauh mana mesranya dengan abang suami, kakak suami ataupun adik suami. Sebagai seorang isteri adalah biasa untuk merasa malu berbual dengan abang suami jika suami tidak ada. Hubungan 'avoidance' wujud di antara mereka dan mereka jarang bertegur sapa. Hubungan isteri dengan kakak atau adik perempuan suami adalah lebih mesra dan mereka saling menghormati di antara satu sama lain.

Hubungan isteri dengan ipar adalah penting walaupun mereka tidak bersefahaman di antara satu sama lain. Selalunya perselisihan

faham timbul di antara isteri abang atau adik suami. Jika hubungan tidak erat, ketidaksefahaman ini tidak ditunjukkan secara terbuka terutama jika mertua mereka masih hidup. Ini adalah kerana hendak "menjaga hati" mertua mereka dan tidak mahu menjadi satu perkara ataupun masalah dalam keluarga.

3.6 Rumah Baba dan Corak Kepercayaan

Rumah keluarga Baba di Jalan Tun Tan Cheng Lock ini adalah kebanyakannya "rumah abu" di mana setiap rumah ini mempunyai tempat pemujaan nenek moyang yang telah meninggal dunia. Keluarga Baba ini akan "piara abu" nenek moyang mereka dan setiap hari salah satu daripada ahli keluarga akan menyembahnya dengan "neo sua" atau colok pada waktu pagi dan petang. Pada hari perayaan dan tarikh ulang tahun kematian nenek moyang mereka akan "ch'nya abu" iaitu mengajak roh nenek moyang untuk "memakan" makanan yang disembah. Makanan ini terdiri daripada lauk-pauk, buah-buahan dan kuih-muih. Adalah menjadi kewajiban terutamanya bagi seorang Nyonya untuk "ch'nya abu" sekurang-kurangnya 5 atau 6 kali setahun dan kewajiban ini akan diturunkan kepada menantu perempuannya.

Walaupun kebanyakannya keluarga Baba beragama Buddha, mereka juga mengamalkan ajaran Confucius dan agama Taoism. Dengan itu, mereka "piara datok" seperti Datok Dapoh yang terdapat di dapur, Datok Hoot Chor (Goddess of Mercy) yang selalunya terdapat di serambi rumah dan sebagainya. Penyembahan datok-datok ini dilakukan setiap hari juga iaitu disembah dengan colok pada waktu pagi dan petang.



Gambar 2 - Bentuk sebuah rumah yang terdapat di Jalan Tun Tan Cheng Lock yang juga merupakan "rumah abu".

— rumah "piak abu" untuk peninggalan nenek moyang di sana "xin cheu"
berawal dari bahan-bahan atau
juga disebut dengan "pas tan"
sekarang ini.

Ada juga di antara nenek yang meletakkan "hoo" di pintu ruang dan bilik buan. "Hoo" ini adalah sekeping kertas berwarna kuning yang diberi tulisan dan gambar. Kertas ini boleh dipergunakan untuk menyala dan boleh diperolehi di tokong.

"Hoo" ini dibakar dengan membakar dan abu dilepas.

"air hoo" merupakan perkataan yang percaya bahawa

"air hoo" yang telah dibakar akan memberi berkah yang telah

dilantik pada dinas diri nian yang lagi sekarang.



Gambar 3 - Tempat "piara abu" untuk pemujaan nenek moyang di mana "sin chee" diletakkan di bahagian bekas abu yang disembah dengan "neo sua" setiap hari.

Ada juga di antara mereka yang meletakkan "hoo" di pintu rumah dan bilik tidur. "Hoo" ini adalah sekeping kertas berwarna kuning yang mempunyai tulisan Cina berdakwat merah dan boleh diperolehi di tokong-tokong Cina. "Hoo" ini juga dibuat ubat dengan membakar dan abu diletakkan di dalam air untuk diminum. Mereka mempercayai bahawa "air hoo" ini boleh mengubati pesakit ataupun bagi mereka yang telah terperanjat akibat dari sesuatu kejadian. Maka mereka dinasihati minum "air hoo" ini supaya dapat "menguatkan kembali semangat" mereka.

3.7 Pengambilan Anak Angkat

Dalam keluarga Baba yang tidak mempunyai anak sama ada lelaki atau perempuan, pengambilan anak angkat adalah satu perkara yang biasa dan dipercayai bahawa dengan mengambil seorang anak, mungkin Nyonya itu boleh melahirkan anak.

Dalam pengambilan anak angkat ini, ia dikenali sebagai "kwey pang" dan upacara "pembelian" merupakan satu upacara ritual di mana si ibu bapa angkat akan memberi ang pow kepada ibu bapa anak angkatnya. Setelah "kwey pang" ini dilakukan anak angkat ini masih tinggal bersama keluarganya.

Pengambilan anak angkat selalu berlaku di antara ahli keluarga iaitu mengambil anak sepupu. Sebelum "kwey pang" ini, budak itu memanggil Nyonya itu sebagai Ee kerana ia adalah mak saudaranya. Budak ini mesti memanggil ibu angkatnya sebagai Mak Chim dan bapa angkatnya sebagai Pa selepas upacara "pembelian" ini.

"Kwey pang" ini merupakan satu perkara yang serius di antara kedua keluarga. Anak angkat ini diberi kasih sayang yang sama rata dengan adik-beradik angkatnya dan ia juga berhak untuk mendapat harta pesaka keluarga angkatnya.

Dalam satu keluarga Saha, pada kawannya, penolakan anak-anak adalah di bawah jaguh seorang Nyonya cuma ada dua orang anak dan ditolong oleh seorang Ah Sue iaitu seorang yang diberi gelaran orang ahli Kantonis. Ah Sue ini berasal dari negeri China dan dia kahwinan daripada mereka tidak berkahwin. Mereka berpikat pada istilah bahwa berseluar hitam dan berjaga-jaga atau putih. Juga keluarga yang memberi anak-anak warisan jaguh luar musti dibentuk di bawah jaguh perespuan secara dua kali atau selang. Anak-anak tersebut dinamai lahir ke dunia pada umur 3 atau 4 tahun dan jaguh disambillah oleh Ah Sue. Di samping menjaga anak, Ah Sue juga dilakukan kerjarkuah dan mereka tinggal bersama keluarga. Walaupun sejak dahulu kala mereka, Kini, Jarang terdapat di tanah Melayu. Sebabkan kerjarkuah diambil alih oleh orang-orang Cina yang datang ke tanah Melayu.

Pada hari akhir masa perlindungan yang penting di makan bagi anak jaguh merupakan pertama kepada ahli Ibu atau nenek sebaiknya ahli jaguh bukanlah untuk memberi makan kepada bayi, tetapi dirinya sendiri sebagai orangtuanya. Dia tetapnya makan sebab dia bukan manusia biasa. Bayi dipastikan supaya dia tidak dilampuknya dia boleh makan takut akan membantahan proses pengembangannya. Apabila ahli jaguh luar makan ibu bapa dia tetapnya makan sebab dia masih muda. Keluarga murnya 4 atau 5 tahun, ia masih dibawa pulang ke rumah.

BAB IV

SOSIALISASI

4.1 Sistem Pembelaan Anak

Dalam satu keluarga Baba, pada umumnya, pembelaan seorang anak adalah di bawah jagaan seorang Nyonya sama ada ibu atau nenek dan ditolong oleh seorang Ah Sum iaitu nama yang diberi kepada orang gaji Kantonis. Ah Sum ini berasal dari negeri China di mana kebanyakan daripada mereka tidak berkahwin. Mereka berpakaian simple iaitu berseluar hitam dan berbaju biru atau putih. Ada juga keluarga yang memberi anak-anak mereka jagaan luar rumah seperti di bawah jagaan perempuan Serani dan Wak Wak Melayu. Anak-anak mereka dibawa balik ke rumah pada umur 4 atau 5 tahun dan jagaan diambilalih oleh Ah Sum. Di samping menjaga anak, Ah Sum juga menjalankan kerjarumah dan mereka tinggal bersama keluarga Baba ini sehingga akhir hayat mereka. Kini, jarang terdapat Ah Sum di rumah-rumah Baba dan kerjarumah diambilalih oleh orang gaji Cina.

Penjagaan bayi adalah satu perkara yang penting di mana bayi akan dijaga dan diberi perhatian sepenuh oleh ibu atau nenek ataupun Ah Sum. Tugas Ah Sum adalah untuk memberi makanan kepada bayi, memandikannya dan tidur bersamanya. Ibu ataupun nenek akan memastikan bahawa Ah Sum menjalankan tugasnya. Bayi dipastikan supaya sihat dan tidak diterperanjatkan oleh orang kerana takut akan membantutkan proses pembesarannya. Bagi bayi yang diberi jagaan luar rumah ibu bapa akan melawatnya hampir setiap hari sehingga umurnya 4 atau 5 tahun, ia akan dibawa balik ke rumah.

mulut dan tidak membenarkan mengoncang kaki kerana dikatakan "buang jerki". Bila hendak keluar dari rumah, seseorang itu mesti "bertau keluar" iaitu memberitahu ahli keluarganya bahawa ia hendak keluar. Begitu juga jika ia sudah balik, ia mesti memberitahu mereka bahawa ia telah pulang ke rumah. Apabila saudara-mara dan kawan-kawan datang melawat ibu bapa ataupun datuk dan nenek, seorang budak itu mesti teriak orang seperti memanggil "Tachi" atau "Chek Kong" atau "Chim Poh" dan sebagainya. Ini menunjukkan satu tanda hormat pada tetamunya.

Kasih sayang yang diberi oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka adalah sama rata. Jika mereka didapati nakal dan kurang ajar, tidak kira lelaki atau perempuan, mereka akan diberi hukuman yang sewajar seperti dirotan, dimarahi, tidak dibenarkan keluar rumah dan dilarang untuk bermain dengan kawan-kawan. Hukuman-hukuman ini selalu dilakukan oleh bapa. Anak-anak lebih takutkan bapa daripada ibu.

Pemikiran orang-orang Baba dan Nyonya adalah sangat kolot terutama mengenai kebebasan anak-anak mereka. Anak-anak tidak dibenarkan bergaul dengan orang ramai terutama anak perempuan. Budak-budak dibenarkan bermain bersama hingga mereka meningkat umur remaja. Selepas itu, seorang Nyonya yang meningkat remaja akan dihalang bermain dengan kumpulan sebayanya terutama sekali dengan budak-budak lelaki. Ia juga diberhentikan sekolah pada umur 10 atau 12 tahun kerana ibu takut ia akan jadi jahat dan diusik oleh budak lelaki. Maka ia terpaksa tinggal di rumah untuk belajar memasak, menjahit dan dapat pengajaran yang betul supaya dapat bersedia untuk menjadi seorang isteri yang baik dan berguna.

Penjagaan anak dalam keluarga Baba adalah tegas dan disiplin adalah sangat ketat. Cara penjagaan anak adalah seperti memberitahu budak itu mana yang baik dan mana yang tidak baik. Ibu bapa akan mempastikan yang anak-anak mereka melakukan perkara yang betul dan mengajar mereka nilai-nilai hidup supaya tidak melakukan perkara-perkara yang tidak diingini. Kawalan yang ketat terutama dalam pergaulan antara kawan dipastikan oleh ibu bapa.

Jika didapati anak mereka melakukan kesalahan, ibu bapa akan memberi hukuman yang berpatutan seperti merotan, menegur ataupun memarahi mereka. Perkara yang utama yang diajar dalam keluarga Baba adalah menghormati orang yang lebih tua daripada mereka. Hormati orang yang lebih tua adalah dengan memanggil mereka, tidak menyampuk semasa perbualan dan lain-lain perkara yang tidak sepatut mereka lakukan. Penegasan ini adalah penting kerana jika tidak seorang budak dikatakan "kurang ajar" dan "tidak tahu adat". "Kurang ajar" dan "tidak tahu adat" di sini bererti kekurangan pengajaran semasa pembelaan anak. Ibu bapa sudah tentu tidak mahu anak mereka berkurang ajar di hadapan orang tua-tua!

Anak-anak sejak kecil lagi diajar adat resam dan tabiat-tabiat tertentu. Sebagai contoh, tabiat di meja makan adalah penting. Sebelum makan seorang yang lebih muda terpaksa memanggil ahli keluarganya mengikut pangkat masing-masing supaya "bertau makan" seperti Mak, makan; Pak, makan; Mama, makan; Nkong, makan; Chek Kong, makan; Chim Poh, makan dan seterusnya. Jika ia sudah habis makan dan hendak meninggalkan meja, maka ia mesti meminta diri dari semua orang di meja makan. Semasa makan, anak-anak tidak dibenarkan bercakap semasa ada makanan dalam

Perkahwinan selalu dijodohkan dan mereka tidak akan membantah walaupun ibu bapa mereka yang membuat pilihan. Sikap ini telah berubah pada masa kini di mana anak lelaki dan perempuan diberi peluang yang sama untuk memilih jodoh sendiri, untuk bersekolah dan kongkongan tidaklah begitu teruk.

Taat setia dan rasa tanggungjawab dipupuk kepada anak-anak semasa mereka masih kecil. Mereka tidak boleh menjawab ibu bapa mereka walaupun mereka tahu yang mereka tidak bersalah. Seorang Nyonya tidak patut mengambil tahu hal kaum lelaki tetapi tanggungjawabnya sebagai seorang wanita mesti dijalankan. Begitu juga dengan seorang Baba harus tahu tanggungjawabnya.

Sistem pembelaan ini telah membawa kebaikan kepada anak-anak walaupun mereka telah meningkat dewasa dan ada yang sudah berkeluarga. Mereka mengamalkan apa yang diajar dan ditunjukkan oleh ibu bapa mereka. Anak-anak mereka diberi kebebasan yang tidak begitu ketat dan diberi peluang untuk berfikir dan buat keputusan yang wajar walaupun dikehendakki memberitahu mereka. Ibu bapa akan mempertimbangkan keputusan anak-anak mereka. Di samping itu juga, nilai dan tradisi Baba masih dipegang kuat dalam keluarga.

Anak-anak yang dewasa yang sudah berkeluarga yang tidak tinggal bersama ibu bapa akan mengunjungi mereka selalu. Bagi anak yang tinggal berdekatan, mereka akan pergi balik ke rumah ibu bapa sekurang-kurangnya 3 atau 4 kali setahun terutamanya pada musim perayaan seperti Tahun Baru Cina, sembahyang Cheng Beng dan sebagainya. Mereka juga akan pulang ke rumah pada harijadi ibu atau bapa mereka di mana seluruh keluarga akan berkumpul, bercakap, bergurau senda dan

makan bersama. dan "lu" adalah dua perkataan yang kerap kali digunakan dalam perbualan sehari-hari. "Gua" boleh disamaartikan dengan "bayi".

4.2 Bahasa

Dalam pembelaan seorang anak, bahasa yang digunakan untuk berbual dengan budak adalah penting. Di kebanyakan rumah Baba, mereka gunakan bahasa Melayu-Baba dalam perbualan sehari-hari. Mereka juga berbahasa Inggeris dan juga berbahasa Cina yang berdialek Kantonis dan Hokkien. Ini adalah kerana kebanyakan daripada mereka bersekolah Inggeris dan percakapan dialek adalah disebabkan mereka dijaga oleh Ah Sum. Walau bagaimanapun, ada di antara mereka tidak tahu langsung dialek-dialek ini terutamanya generasi yang lebih tua. Kini, budak-budak yang muda telah tahu berbahasa Cina walaupun bahasa Baba digunakan di rumah.

Anak-anak yang mula bercakap diajar untuk memanggil kedua ibu bapa iaitu Mak dan Ba. Apabila mereka sedang meningkat, mereka diajar untuk memanggil orang terutama apabila bersemuka dengan orang tua-tua. Ada anak memanggil ibunya sebagai Nya atau Ee dan bukan Mak kerana dipercayai tidak "layak" menjadi anak kepada ibunya. Nya juga boleh disamaartikan sebagai adik perempuan atau budak perempuan yang sedang meningkat remaja. Seorang budak diajar memanggil orang-orang tua yang bukan ahli keluarga sebagai Enchek untuk lelaki dan Bibik untuk perempuan. Bagi orang yang berumurnya meningkat tua iaitu lebih kurang 60 tahun ke atas, ia dipanggil Chek Kong untuk lelaki dan Wak Wak untuk perempuan.

"Gua" dan "lu" adalah dua perkataan yang kerap kali digunakan dalam perbualan sehari-hari. "Gua" boleh disamaartikan dengan "saya". "Gua" digunakan apabila bercakap dengan kumpulan sebaya manakala "lu" bererti "awak". Bagi anak-anak yang masih kecil, "lu" tidak digalak menggunakan perkataan ini terutamanya apabila bercakap dengan orang tua-tua kerana jika berbuat demikian ia dikatakan kurang ajar. Selalunya mereka akan dipanggil mengikut pangkat mereka. "Lu" digunakan apabila berbual dengan orang yang pangkatnya setaraf.

Bahasa Melayu-Baba ini ada persamaan dan perbezaan dengan Bahasa Melayu tulin. Di samping itu, bahasa Melayu-Baba ini juga dipengaruhi oleh dialek Hokkien dan bahasa Inggeris. Berikut adalah contoh beberapa perkataan bahasa Melayu-Baba dengan bahasa Melayu tulin.

Bahasa Melayu-Baba

Bahasa Melayu Tulin

abu

abu

abok

abuk

adek

adik

bangkay

bangkai

changkay

cawan

paser

pasar

ujan

hujan

ijo

hijau

Jelas kelihatan bahawa "o" mengganti "u" seperti abuk kepada abok, masuk kepada masok dan jauh kepada jaoh. Begitu "i" kepada "e" dan "i" kepada "y". Meninggalkan "h" dalam perkataan adalah satu perkara

biasa terutamanya di awal satu perkataan. Perkataan Hokkien juga terdapat dalam perbendaharaan kata Baba. Sebagai contoh, meja dirujuk sebagai "tok" dan almari sebagai "tu".

Semasa perbualan seorang Nyonya selalu bercakap secara halus dengan menggerakkan tangannya secara lembut. Ada kala terdapat juga mereka berkelakuan latah semasa bercakap seperti "Oh, pochok!", "Oh, mak gua!" dan lain-lain pengucapan yang kadang-kala menggeli hati.

Pada Tahun Baru Cina, seorang anak baik muda maupun tua mesti mengucapkan "Selamat Tahun Baru" kepada ibu bapa ataupun orang yang lebih tua daripada mereka terutama mereka yang sudah berkahwin. Pada harijadi pula, anak cucu seorang Nyonya akan mengucap kepadanya "Panjang-panjang umur, Mak" ataupun "Panjang-panjang umur, Mama" semoga Nyonya itu boleh lanjutkan usianya.

4.3 Nama Timangan

Dalam keluarga Baba adalah menjadi satu perkara biasa bagi seorang budak mempunyai nama timangan. Nama-nama timangan ini selalunya diberi kepada anak-anak perempuan.

Ada di antara anak-anak yang mempunyai warna kulit gelap dan ibu akan namakannya Itam. Ada ibu pula suka memanggilnya Puteh supaya ia tidak akan menjadi lebih hitam semasa ia membesar! Jika seorang budak perempuan itu cantik, ia mungkin akan dipanggil Burok dan bukan Chantek kerana takut akan jadi buruk bila besar nanti. Keadaan sebalik mungkin akan berlaku bila Burok itu menjadi Chantek!

Lain-lain nama timangan adalah seperti Baby, Bulat, Jambol, Manis, Molek dan Jantok yang mengikut rupa seseorang. Nama-nama ini



Gambar 4 - Bekas yang berisi abu di mana "neo sua"
diletakkan setiap hari.



Gambar 5 - "Ch'nya abu" sedang dijalankan di mana
lauk-pauk, kuih-muih dan buah-buahan
disembah kepada nenek moyang.



Gambar 6 - Seorang bapa sedang menunjukkan kepada anaknya bagaimana untuk "soh jar" dengan menggunakan "neo sua".

akan digunakan sehingga mereka devasa.

4.4 Nilai dan Adat Resam

Nilai dan adat resam adalah sangat penting dalam keluarga Baba. Mereka amalkan adat tradisi orang-orang Cina dan kebanyakannya di antara mereka adalah beragama Buddha dan Taois dan mengamalkan ajaran Confucius. Ada juga di antara mereka beragama Kristian. Mereka yang beragama Kristian tidak mengenepikan langsung nilai dan adat Baba yang telah dipupuk selama ini.

Rumah-rumah yang diduduki oleh keluarga Baba di Jalan Tun Tan Cheng Lock ini adalah dinamakan sebagai "rumah abu". Di rumah abu ini mereka "piara abu" dan "ch'nya abu" sekurang-kurangnya 5 atau 6 kali setahun. "Ch'nya abu" ini selalunya dilakukan pada hari-hari perayaan dan ulang tahun hari si mati. Mereka menjemput roh nenek moyang untuk "makan" makanan yang dich'nya di meja sembahyang.

Di meja tempat pemujaan ini terdapat "sin chee" iaitu sekeping papan yang berbentuk segiempat bujur panjang yang terdapat nama si mati dan isteri dalam tulisan Cina. Ada juga yang meletakkan gambar si mati di atas sin chee itu.

Pada setiap hari seorang Nyonya atau ahli keluarga lain akan "soh jar" abu-abu ini sekurang-kurangnya 2 kali iaitu pada sebelah pagi dan petang dengan colok atau "neo sua". Ini merupakan satu kewajiban dan mesti dilakukan setiap hari. Lauk-lauk sembahyang untuk "ch'nya abu" disiapkan oleh ketua rumah Nyonya dan dibantu oleh menantu perempuannya. Mereka juga mengupah seorang tukang masak atau "chong poh"

lelaki untuk memasak lauk-lauk ini. Ini merupakan satu tanggungjawab yang penting kerana mereka merasa kewajiban ini harus dilakukan dan rasa "filial-piety" ada dijiwa mereka.

Baba juga "piara datok" di mana terdapat beberapa jenis datok di rumah mereka. Di antara datok yang mereka piara adalah "Datok Dapoh", "Datok Hoot Chor", "Datok Tanah" dan "Datok Buddha". Mereka sembahyang dua kali sehari dengan menggunakan neo sua. Pada hari pertama dan kelimabelas mengikut kalendar Cina, mereka akan sembahyang dengan lebih istimewa dengan membakar kertas sembahyang dan tiga cawan kecil yang berisi teh diletakkan di depan datok-datok ini.

Jika seorang ahli keluarga meninggal dunia, keluarga terpaksa berkabung. Keluarga yang terdekat bagi si mati akan berkabung hitam. Manakala saudara sepupu dan anak saudara si mati akan berkabung biru iaitu berpakaian biru dan pakaian hijau akan digunakan oleh ipar si mati. Saudara si mati yang lebih tua yang masih hidup tidak akan berkabung tetapi mereka tidak berpakaian berwarna-warni seperti merah untuk menunjukkan tanda hormat. Pada masa berkabung, seseorang itu tidak boleh membuat sesuka hati seperti keluar jalan untuk bersukaria. Pada masa itu juga, sembahyang dan lain-lain ritual seperti membakar "kertas perak" dijalankan pada masa ke semasa hingga tamat berkabung.

Pada Tahun Baru Cina setiap ahli keluarga akan pulang ke rumah ibu bapa untuk berkumpul dan makan bersama pada malam sebelum hari raya. Suasana yang riang dan gembira dalam keluarga dan maaf memaafkan seperti berjabat tangan sesama keluarga dilakukan pada hari itu. Kanak-kanak adalah yang paling gembira kerana dapat mengumpul "ang pow" pada hari itu. Mereka merayakan Tahun Baru Cina selama 15 hari.

Pada hari pertama terdapat beberapa pantang-larang seperti menyapu rumah tidak dibenarkan dan juga tidak dibenarkan memegang penyapu. Ini dipercayai bahawa menyapu rumah pada hari pertama Tahun Baru akan membuang "jerki" dan boleh membawa malapetaka. Semasa 15 hari ini, kunjung-mengunjungi saudar-mara dan kawan-kawan dilakukan oleh Baba dan Nyonya bersama keluarga mereka.

Orang-orang Baba juga menyambut lain-lain hari perayaan. Mengikut kalendar Lunar, perayaan orang Baba yang berikut adalah perayaan Cheng Beng yang jatuh di antara hujung bulan kedua hingga awal bulan ketiga. Pada masa ini ahli keluarga akan menziarahi kubur nenek moyang mereka dan ini dikenali sebagai "teck chua". Kubur-kubur ini dibersihkan dan sembahyang dengan colok dilakukan. Di samping itu, "kertas perak" dan bunga diletakkan di atas kubur. Berdekatan dengan setiap kubur, terdapat satu batu nisan untuk "datok" dan di sinilah penjaga malaikat si mati "tinggal". Kertas mas diletakkan di sini. Di rumah pula, terdapat pemujaan makanan untuk "menjemput" nenek moyang.

Perayaan makan kwey chang disambut oleh orang-orang Baba di mana perayaan ini jatuh di antara bulan Mei dan Jun. Kwey chang adalah sejenis 'dumpling' yang dibuat dari pulut. Selalunya seorang Nyonya akan membuat dua jenis kwey chang iaitu kwey chang babi dan kwey chang abu. Inti isi babi diletakkan dalam kwey chang manakala bunga telang yang memberi warna biru digunakan untuk pulut supaya sebahagian pulut menjadi warna biru. Kwey chang abu pula memberi warna kuning di mana pulutnya direndam dalam abu dan tidak diletakkan sebarang inti. Kwey chang abu dimakan dengan gula melaka yang sudah

dicairkan. rang bantahan. Ada pula yang menyatakan anak nakal sebagai seorang ar Perayaan bulan tujuh datang selepas ini. Pada bulan ini, adalah dipercayai bahawa hantu-hantu keluar dari neraka dan berkeliaran di dunia. Sembahyang nenek moyang dilakukan pada bulan ini dan juga sembahyang di luar rumah dilakukan untuk hantu-hantu di mana keluarga mereka tidak melakukan pemujaan. Pada bulan ini, orang ramai terutamanya kanak-kanak dinasihati supaya jangan keluar rumah pada waktu malam untuk mengelakkan dari kejadian yang tidak diingini.

Selepas ini, perayaan kwey bulan lapan dirayakan di mana memakan kwey bulan lapan dilakukan pada bulan ini. Di samping itu, kanak-kanak mengambil kesempatan bermain tanglung pada waktu malam pada sepanjang bulan ini. Akhir sekali perayaan Tung Chek iaitu memakan "kwey ee" yang dijalankan pada 21 hb Disember pada setiap tahun.

4.5 Anak Baik dan Anak Nakal

Pembelaan seorang anak adalah satu proses yang berpanjangan. Dengan itu, peranan ibu bapa dan juga penjaga adalah penting kerana dapat membentuk dan menanam nilai-nilai tertentu dalam diri seseorang budak. Masa yang sesuai untuk mengajar seseorang itu menjadi seorang yang berguna adalah ketika mereka masih kecil.

Untuk menilai sama ada seorang itu adalah anak baik ataupun anak nakal adalah agak sukar kerana ia adalah satu perkara yang subjektif. Menurut respondan-respondan pengkaji, mereka mengatakan bahawa seseorang budak itu dikatakan anak baik jika ia menghormati orang tuanya, mendengar cakap, berkelakuan baik dan mendengar nasihat

tanpa sebarang bantahan. Ada pula yang mengatakan anak nakal sebagai seorang anak yang kurang ajar, tidak mahu mendengar nasihat ibu bapa, berkelakuan tidak senonoh dan melakukan sesuatu secara suka hati tanpa menghiraukan orang lain.

Ini semua dari aspek orang Baba, tetapi untuk mengkategorikan seseorang itu anak baik dan anak nakal, ia bergantung pada konsep bagaimana seorang baik ataupun nakal. Sifat kenakalan dalam seseorang budak memang ada dan ini adalah satu perkara yang normal. Seseorang boleh menjadi nakal dan jahat serentak kerana ia mungkin diasuh nilai-nilai yang tidak baik seperti mencuri, menghasut, menjaga tepi kain orang lain dan berbagai-bagi kelakuan yang tidak diingini oleh ibu bapa ataupun kumpulan sebayanya.

Dengan ini kita tidak boleh salahkan budak itu kerana ibu bapa yang mengajarnya menjadi begitu. Peranan ibu bapa adalah penting dalam proses pembelaan kerana mereka yang memimpin dan menunjukkan teladan yang baik terhadap anak-anak mereka. Namun begitu, seseorang anak boleh jadi baik mahupun nakal dan jahat bergantung kepada dirinya sendiri. Pengkaji percaya bahawa seseorang yang boleh berfikiran secara rasional boleh mempertimbangkan apa yang baik ataupun tidak dan kemudian menilaiannya.

KESIMPULAN

Kebanyakan daripada mereka menyewa bilik di rumah-rumah ini dan ada

5.1 Kesimpulan Secara Umum

Baba pada masa kini lebih dikenali sebagai seorang Peranakan. Identiti mereka masih dipertahankan dari segi jurai keturunan, agama dan bahasa. Kini, populasi Baba di Melaka telah banyak berselerak di merata tempat. Pada suatu ketika Jalan Tun Tan Cheng Lock mempunyai ramai komuniti Baba yang mempunyai status dan harta benda. Harta benda mereka diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain melalui pihak lelaki. Sistem patrilineal ini masih dipertahankan walaupun pihak perempuan mendapat tempat yang adil dalam kedudukannya dalam keluarga.

Bilangan keluarga Baba telah berkurangan di kawasan ini kerana kebanyakan daripada mereka telah berpindah ke kawasan lain di bandar dan ada yang telah berhijrah ke Kuala Lumpur dan negeri lain untuk mencari nafkah dan mendirikan rumah tangga. Pemindahan ini juga disebabkan oleh kesukaran untuk menguruskan perbelanjaan dan pengendalian rumah yang besar lagi panjang. Untuk menjimatkan perbelanjaan ada di antara mereka menjualkan rumah dan membeli sebuah yang lebih kecil di tempat lain. Ada pula yang tidak tinggal di rumah ini tetapi mengupah orang untuk menjaga rumah mereka. Mereka hanya pulang sekali sekala apabila upacara "ch'nya abu" nenek moyang mereka dijalankan.

5.3 ~~Amen~~ Suasana dan persekitaran yang berlainan wujud di kawasan ini kerana komuniti-komuniti Cina yang lain mula masuk tinggal. Kebanyakannya daripada mereka menyewa bilik di rumah-rumah ini dan ada pula yang membeli rumah dari orang-orang Baba ini. Maka terdapat sedikit sebanyak perubahan yang mempengaruhi seseorang Baba itu dari segi bahasa, misalnya. Walau bagaimanapun, mereka masih mempertahankan nilai, adat resam dan identitinya sebagai seorang Baba.

5.2 Sistem Kekeluargaan

Baba telah menjadi lebih Cina dari berbagai aspek. Dalam keluarga misalnya, terdapat perkahwinan di antara seorang Baba dengan perempuan Cina dari komuniti lain dan keadaan sebalik berlaku kepada seorang Nyonya. Kini, perkahwinan tidak lagi ditentukan oleh ibu bapa tetapi pilihan sendiri.

Struktur keluarga juga berlainan. Pada masa dahulu, keluarga bergabung jelas kelihatan di dalam satu keluarga Baba. Kini, anak-anak yang sudah berkahwin lebih suka tinggal berasingan dari keluarga. Ibu bapa pula akan tinggal di rumah dan sekali sekala akan melawat mereka. Mereka pula akan pulang ke rumah untuk melawat ibu bapa jika terdapat hari perayaan, hari kelepasan am ataupun cuti. Kebebasan tinggal tanpa ibu bapa adalah kerana mereka tidak mahu ibu bapa mereka mencampuri urusan rumah tangga mereka.

5.3 Agama, Nilai dan Adat Resam

Kebanyakan keluarga Baba masih mempertahankan agama mereka iaitu Buddhism, Taoism dan Confucianism. Generasi tua terutamanya masih mengamalkan sembahyang dan mengunjungi tokong-tokong pada hari pertama dan kelimabelas setiap bulan mengikut kalendar Cina. Mereka akan doakan dan bayar niat untuk setiap ahli keluarganya. Datok-datok yang dipiara di rumah mereka dijaga dan dipelihara dengan sempurna. Sembahyang nenekmoyang masih dijalankan tetapi dijalankan dengan cara yang agak simple.

Nilai yang dipupuk kepada anak-anak yang muda agak berlainan sedikit kerana ibu atau bapa yang dari komuniti Cina yang lain mempunyai nilai yang agak berbeza sedikit. Dalam aspek ini terdapat satu konflik walaupun tidak jelas. Ini adalah kerana mereka mahukan anak-anak mereka mengamalkan adat resam mereka di samping mengamalkan nilai dan adat resam orang-orang Baba. Maka terdapat satu campuran nilai dan adat resam dalam keluarga ini.

5.4 Bahasa

Bahasa dalam komuniti Baba telah membawa perubahan di mana generasi muda tahu berbahasa Cina dengan lancar terutama dalam dialek Hokkien dan Kantonis. Selama ini, satu gambaran yang diberi bahawa orang-orang Baba hanya tahu berbahasa Melayu-Baba dan Inggeris. Ibu atau bapa yang bukan dari komuniti Baba mahukan anak-anak mereka berbahasa Cina terutama bahasa ibunda mereka iaitu dialek Hokkien dan Kantonis. Ada yang menghantar anak-anak mereka belajar bahasa Mandarin.

Bahasa Inggeris masih digunakan di rumah kerana kebanyakan mereka mendapat pelajaran Inggeris.

Minat untuk membelajari Bahasa Cina adalah kerana mahukan identiti sebagai seorang Cina. Komuniti Cina yang lain akan merasa hairan mengapa orang-orang Baba tidak tahu berbahasa Cina tetapi memanggil diri mereka sebagai orang Cina. Ini menjadi salah satu sebab mengapa orang Baba berkehendakkan berbahasa Cina. Orang-orang Cina pula mula berbahasa Melayu dan ini boleh dilihat apabila mereka berbual dengan orang Baba. Ada di antara mereka boleh bercakap dengan fasih bahasa Melayu-Baba. Di rumah perbualan di antara ahli keluarga masih dalam Bahasa Melayu-Baba dan Inggeris dan kadang-kala berdialek Hokkien dan Kantonis.

5.5 Sosialisasi

Sistem pembelaan pada masa kini agak berbeza dengan apa yang telah seorang Nyonya lakukan semasa membela seorang anak. Kini, anak-anak diberi jagaan luar ataupun orang gaji akan jaga anak itu sementara ibu bapa keluar mencari nafkah. Lagipun orang gaji sangat susah dicari dan Ah Sum tidak lagi terdapat dalam keluarga Baba. Ada anak-anak dibela oleh nenek mereka dan ditolong oleh anak perempuannya yang tidak kahwin.

Dalam mensosialisasikan seorang budak, ibu bapa memainkan peranan yang penting. Walaupun anak-anak dijaga oleh orang gaji, perhatian dan kasih sayang dari ibu bapa adalah diperlukan oleh anak-anak kerana dapat membentuk perlakuan mereka. Masa yang paling sesuai untuk memupuk nilai-nilai yang baik dan adat resam keluarga adalah

apabila budak itu masih kecil lagi. Pengaruh terhadap lain-lain perkara tidak begitu kuat kesannya iaitu pengaruh dari kumpulan sebaya dan nilai yang **tidak** baik. Ini adalah kerana budak itu masih dibawa jagaan ibu bapa dan ibu bapa boleh menasihati dan memperbaiki kesalahannya.

Press 1980

Peluang bagi seseorang budak untuk bergaul tidaklah begitu ketat sekali pada masa kini. Pandangan ibu bapa adalah liberal dan mereka boleh bergaul bebas dengan orang lain terutama dari golongan jantina yang lain asalkan mereka tahu had mereka. Di samping itu, budak-budak ini diberi peluang untuk bersekolah sehingga tamat sekolah menengah dan ada juga telah melanjutkan **pelajaran** ke peringkat universiti. Tempat anak perempuan pada masa ini bukanlah di dapur sahaja. Mereka diberi peluang untuk menunjukkan kebolehan mereka dalam berbagai bidang. Namun begitu, mereka selalu diingatkan oleh ibu bapa mereka supaya jangan lupakan peranan mereka sebagai seorang wanita.

Maka boleh disimpulkan bahawa sosialisasi adalah satu proses yang berpanjangan iaitu dari seorang bayi hingga menjadi dewasa. Keluarga merupakan agen yang terpenting dalam menentukan proses pembesaran seseorang.

BIBLIOGRAFI

- Chia, Felix
Bertau keluar
Clamer, John R.
Imang Jerki
ch'nya abu
Elkin and Handel
chong pon
kereta pernik
Fox, Robin
Jabatan Perangkaan
Malaysia
Kerchhoff, Alan C.
Koetjaraningrat
Mair, Lucy
- memberitahu sesuatu yang dia hendak makan
The Babas, Times Book International 1980
memberitahu bahawa dia hendak keluar
Straits Chinese Society, Singapore University
Press 1980
mengetahui anak moyang 'makan'
The Child and Society: The Process of
Socialization, Random House, New York 1960
walaupun dia orang singgal
Persanakan dan Perkahwinan (Terjemahan),
Dewan Bahasa dan Pustaka 1985
mengetahui anak
Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980,
Laporan Penduduk Negeri Melaka, Jabatan
Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur
Socialization And Social Class, Prentice Hall
Inc., New Jersey 1972
Beberapa Pokok Antropologi Sosial, Penerbit
Dian Rakjat 1967
An Introduction To Social Anthropology,
Oxford, Claredon Press 1965

KATA-KATA DAFTAR

bertau makan	memberitahu seseorang yang dia hendak makan
bertau keluar	memberitahu bahawa dia hendak keluar
buang jerki	melepaskan nasib yang bertuah
ch'nya abu	mengajak roh nenek moyang 'makan'
chong poh	tukang masak lelaki
kertas perak	wang kertas untuk orang yang telah meninggal dunia
kurang ajar	kekurangan pengajaran semasa pembelaan anak
kwey pang	pengambilan anak angkat
neo sua	colok
piara abu	memelihara abu nenek moyang
piara datok	memelihara patung-patung berhala yang dianggap sebagai Tuhan
rumah abu	rumah di mana terdapat tempat pemujaan nenek moyang yang telah meninggal dunia
soh jar	menyembah
teck chua	menziarah kubur nenek moyang pada hari perayaan Cheng Beng
teriak	memanggil

BIODATA KELUARGA *

No. Rumah : _____

Tarikh Penyelidikan : _____

Catatan * Keluarga termasuk anak yang bukan tinggal serumah